

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

15hb. Mei, 1970

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 1970

Sekim Perkhidmatan bagi Pembantu Teknik

Saya adalah di arah menyatakan bahawa Sekim Perkhidmatan bagi Pembantu Teknik yang baharu seperti yang terkandung dalam [Lampiran 'A'](#) Surat Pekeliling ini telah diluluskan bagi menggantikan Sekim Perkhidmatan sekarang.

2. Sekim Perkhidmatan yang baharu ini adalah berjalan kuatkuasanya mulai daripada tarikh Surat Pekeliling ini dan dengan itu Sekim Perkhidmatan sekarang yang terkandung dalam [Buku Sekim Perkhidmatan \(Tahun 1956\) Jilid 1 pada muka surat 139 dan 140 adalah dimansokhkan.](#)
3. Pembantu Teknik yang sedang berkhidmat adalah tertakluk di bawah Sekim yang baharu ini.
4. Penguatkuasaan Sekim Perkhidmatan yang baharu ini tidaklah melibatkan sebarang perubahan gaji kerana tangga gaji yang dipakai itu adalah tangga gaji sekarang.
5. Urusan-urusan pengambilan dan kenaikan pangkat serta lain-lain urusan mengenai Perkhidmatan Pembantu Teknik hendaklah di jalankan mengikut perbekalan dalam Sekim yang baharu ini.
6. Adalah ditegaskan bahawa perbekalan mengenai lantikan Perantis Teknik (Technical Apprentice) seperti yang termaktub dalam sekim sekarang tidaklah lagi di masukkan ke dalam Sekim baharu itu kerana mengikut dasar baharu tidaklah dikehendaki sebarang Badan atau Jabatan menaja kemasukan seseorang calon ke Maktab Teknik. Oleh yang demikian Perantis Teknik tidaklah dibenarkan diambil lagi pada masa ini dan akan datang. Sebaliknya calon yang di terima masuk ke Maktab Teknik yang tidak mampu mengikuti kursus dengan perbelanjaan nya sendiri bolehlah memohon biasiswa atau dermasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta Badan-Badan Berkanun dan Separa Kerajaan. Calon-calon yang di hadiahkan biasiswa atau dermasiswa bolehlah disharatkan apabila memperolehi Diploma kelak, berkhidmat dengan sesuatu Jabatan yang di tetapkan atau Badan yang menawarkan biasiswa atau dermasiswa itu.
7. Setia Usaha-Usaha Tetap/Setia Usaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan adalah di minta menyampaikan kandungan Surat Pekeliling ini kepada Pengetahuan pegawai yang bertanggung jawab dalam hal ehwal perjawatan dan perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL RAHMAN BIN ABU HASSAN)
Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Setia Usaha Tetap/Setia Usaha Kementerian,

Setia Usaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Yang Berhormat, Setia Usaha-Usaha Kerajaan Negeri-negeri Di Malaysia Barat

SEKIM PERKHIDMATAN BAGI PEMBANTU TEKNIK**TANGGA GAJI****Bahagian II**

Tingkatan Biasa	\$380x20-420/Sekatan Pepereksaan/ 475x25-600/Sekatan Kecekapan/ 640x25-765/Sekatan Kekosongan
Tingkatan Khas	\$754x28-866/Sekatan Kekosongan

Bahagian I

Tingkatan Tertinggi	\$863x28-975
---------------------	--------------

1. Chalun bagi lantikan sebagai Pembantu Teknik hendaklah memiliki Diploma Maktab Teknik Kuala Lumpur atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan lulus dalam Bahasa Melayu pada peringkat sijil persekolahan serta berusia tidak melebihi daripada 30 tahun. **KELAYAKAN MASOK**
2. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkenaan. **PERMOHONAN**
3. Chalun-chalun yang dilantik akan dikehendaki terkhidmat dalam perchubaaan selama 3 tahun dan akan dikehendaki lulus Pepereksaan Jabatan sebelum tamat tempoh perchubaaan itu. **TEMPOH PERCHUBAAN PEPERIKSAAN JABATAN**
4. Pegawai-pegawai dalam perchubaaan yang telah :- **PENGESAHAN**
 - (i) menyempurnakan perkhidmatannya dengan memuaskan dalam tempoh perchubaaan;
 - (ii) lulus Pepereksaan Jabatannya; dan
 - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatannya bahawa mereka berkebolehan mengawasi dengan sendirinya rancangan usaha yang berkehendakkan pengetahuan teknikalnya di gunakan dan jika, ditugaskan berkhidmat di luar, berkebolehan mengawasi buroh;

akan disahkan dalam jawatannya

5. Pembantu Teknik yang telah :

SEKATAN
KECEKAPAN

- (i) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah sekatan Kecekapan; dan
- (ii) menerima sijil akuan daripada Ketua jabatannya bahawa dari kerja dan kelakuan mereka telah membuktikan kebolehan untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya;

akan layak melangkahi Sekatan Kecekapan.

6. Pembantu-pembantu Teknik yang telah melangkahi sekatan kecekapan akan layak di pertimbangkan bagi di naikkan pangkat kepada Jawatan-jawatan dalam Tingkatan Khas yang kosong.

KENAIKAN
PANGKAT
KA-TINGKATAN
KHAS

7. Pembantu Teknik Tingkatan Khas yang mempunyai mutu yang tinggi dan menunjukkan kebolehan yang luar biasa bagi menjalankan tugasnya, akan layak di pertimbangkan bagi dinaikkan pangkat kepada jawatan dalam Tingkatan Tertinggi yang kosong.

KENAIKAN
PANGKAT
KA-TINGKATAN
TERTINGGI